

12/03/2000

Redzwan wakil BN bagi DUN Sanggang

MENTAKAB: Pengerusi Biro Agama Umno bahagian Mentakab, Redzwan Harun, 49 (gambar), dipilih sebagai calon Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Sanggang pada 1 April ini.

Pengumuman Redzwan sebagai calon dibuat Pengerusi Perhubungan Umno negeri yang juga Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob dalam majlis pertemuan dengan ketua cawangan Umno dalam DUN Sanggang di Dewan Umno bahagian Mentakab di sini, petang semalam.

Adnan yang juga Pengarah Pilihan Raya kecil itu, berkata keputusan itu dibuat selepas beliau bersama ahli jawatankuasa Umno bahagian Mentakab, termasuk Pemuda dan Wanita bahagian bertemu Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, petang kelmarin.

"Pengumuman nama calon dibuat awal supaya calon dapat diperkenalkan kepada pengundi serta ketua cawangan Umno dan pemimpin parti komponen di DUN Sanggang," katanya kepada pemberita selepas majlis itu.

Menurut Adnan, biasanya nama calon hanya diumumkan sehari sebelum hari penamaan calon.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan pilihan raya kecil itu diadakan pada 1 April manakala hari penamaan calon pada 21 Mac.

Kerusi Sanggang kosong berikutan kematian wakil rakyatnya daripada Umno, Datuk Abdullah Kia, 54, kerana diserang angin ahmar pada 26 Februari lalu.

Adnan berkata, Umno bahagian Mentakab mempunyai ramai ahli berkaliber, termasuk beberapa nama yang disebut-sebut sebelum ini tetapi keputusan memilih Redzwan dibuat selepas mengambil kira pelbagai aspek.

"Saya berharap beliau (Redzwan) akan diberi sokongan oleh pengundi kerana kemenangan BN akan membolehkan usaha Abdullah diteruskan.

"Kita juga berharap pengundi tidak terkeliru dengan fatwa parti pembangkang kerana ia menyesatkan. Mereka tidak sepatutnya terpedaya dengan janji manis pembangkang yang mempunyai matlamat politik yang sempit," katanya.

Sementara itu, mengulas pemilihannya sebagai calon BN, Redzwan yakin sokongan padu dan kerjasama erat antara Umno dan parti komponen BN akan dapat membantu BN mengekalkan kerusi Sanggang.

Beliau berjanji akan meneruskan segala usaha dibuat bekas wakil rakyat kawasan itu bagi menjamin kesinambungannya.

Katanya, beliau berterima kasih kepada pucuk pimpinan parti, terutama Dr Mahathir kerana memberi kepercayaan kepadanya untuk membawa cabaran BN dalam pilihan raya kecil itu.

Redzwan yang dilahirkan di Kampung Jenderak adalah bekas Pegawai Penyelaras Pentadbiran Masjid Daerah Temerloh di Pejabat Agama Islam Daerah Temerloh.

Bapa kepada enam anak itu mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Jenderak, sebelum meneruskan pengajian di Sekolah Menengah Agama Al-Khairiah, Temerloh.

Beliau kemudian belajar di Kuliyah Sultan Abu Bakar, Pekan dan menyambung pelajaran di Universiti Al-Azhar, Mesir selain mempunyai Diploma Pengajian Islam Al-Habab Government Oriental College, Rampur, India.

(END)